



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2022 / 2023
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWP2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : MANAGEMENT ACCOUNTING
NAMA KURSUS PERAKAUNAN PENGURUSAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWP
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH 2 JAM 30 MINIT

DATE : DECEMBER 2022 / JANUARY 2023
TARIKH DISEMBER 2022 / JANUARI 2023

INSTRUCTION :
ARAHAN

Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script
Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 7 mukasurat termasuk kulit hadapan



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

PUSAT PRGORAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM – PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1. memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2. menggunakan maklumat yang diperoleh seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4. lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 2.1. Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
 - 2.1.1. memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
 - 2.1.2. memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2. Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3. Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

- Q1. The Bharu Violin Company has the capacity to manufacture and sell 5,000 violins each year but is currently only manufacturing and selling 4,800. The following per unit numbers relate to annual operations at 4,800 units [*Bharu Violin Company mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan dan menjual 5,000 buah biola setiap tahun tetapi kini cuma mengeluarkan dan menjual 4,800 buah sahaja. Maklumat per unit produk adalah berkaitan dengan operasi tahunannya pada tahap 4,800 unit*]:

	Per Violin [Per biola]
Selling price [<i>Harga jualan</i>]	RM600
<u>Manufacturing costs [<i>Kos pengeluaran</i>]:</u>	
Variable [<i>Berubah</i>]	RM130
Fixed [<i>Tetap</i>]	RM270
<u>Selling and administrative costs [<i>Kos jualan dan pentadbiran</i>]:</u>	
Variable [<i>Berubah</i>]	RM20
Fixed [<i>Tetap</i>]	RM40

Woolgar Symphony Orchestra is interested in purchasing Bharu's 200 units but only if they can get the violins for RM350 each. This special order would not affect regular sales or the cost structure above [*Woolgar Symphony Orchestra berminat untuk membeli 200 unit hanya sekiranya mereka dapat membelinya pada harga RM350 setiap satu. Tempahan khas ini tidak akan mempengaruhi jualan biasa syarikat atau struktur kos di atas*].

Required [*Dikehendaki*]:

- Calculate Bharu's profit for the year if the special order from Woolgar Symphony Orchestra is accepted. [*Kirakan keuntungan Bharu untuk tahun tersebut jika tempahan khas dari Woolgar Symphony Orchestra diterima*]. [10M]
- Assume that Bharu is manufacturing and selling at capacity (5,000 units). Any special order will mean a loss of regular sales. Under these conditions if the special order from Woolgar Symphony Orchestra is accepted, determine Bharu's profits for the year. [*Andaikan Bharu kini sedang mengeluarkan dan menjual pada tahap kapasiti penuh (5,000 unit). Apa-apa tempahan khas akan mengakibatkan kehilangan jualan biasa. Di bawah keadaan ini jika tempahan khas dari Woolgar Symphony Orchestra diterima, tentukan keuntungan tahunan syarikat Bharu*]. [10M]

[Total [*Jumlah*] 20M]

- Q2. McFarlain Corporation is presently making part U98 that is used in one of its products. A total of 7,000 units of this part are produced and used every year. The company's Accounting Department reports the following costs of producing the part at this level of activity [Syarikat McFarlain kini sedang mengeluarkan alat U98 yang digunakan dalam salah satu produknya. Sejumlah 7,000 unit alat ini dikeluarkan dan digunakan setiap tahun. Jabatan Akaun syarikat melaporkan kos-kos pengeluaran alat tersebut pada tahap aktiviti semasa]:

	Per unit (RM)
Direct material [<i>Bahan langsung</i>]	3.70
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>]	3.60
Variable overhead [<i>Overhead berubah</i>]	1.40
Supervisor's salary [<i>Gaji penyelia</i>]	4.00
Depreciation of special equipment [<i>Susutnilai peralatan khas</i>]	3.90
Allocated general overhead [<i>Overhead am diagihkan</i>]	4.10

An outside supplier has offered to produce and sell the part to the company for RM17.10 each. If this offer is accepted, the supervisor's salary and all of the variable costs, including direct labor, can be avoided. The special equipment used to make the part was purchased many years ago and has no salvage value or other use. The allocated general overhead represents fixed costs of the entire company, none of which would be avoided if the part were purchased. [Sebuah pembekal luar telah menawarkan diri untuk mengeluarkan dan menjual alat tersebut kepada syarikat pada harga RM17.10 setiap satu. Jika tawaran ini diterima, gaji penyelia dan semua kos-kos berubah, termasuk buruh langsung, boleh dielakkan. Peralatan khas yang digunakan untuk mengeluarkan alat tersebut telah dibeli bertahun yang lalu dan tidak mempunyai nilai sisa atau lain-lain kegunaan. Overhead am diagihkan mewakili kos-kos tetap untuk keseluruhan syarikat, yang tiada satu pun antaranya boleh dieak jika alat tersebut dibeli].

Required [Dikehendaki]:

- a. Determine the company's overall net operating income if management decides to buy part U98 from the outside supplier rather than to continue making the part. [Tentukan keuntungan operasi bersih syarikat jika pihak pengurusan membuat keputusan untuk membeli alat U98 tersebut dari pembekal berbanding dengan terus mengeluarkannya sendiri]. [10M]

- b. Assume that the space used to produce part U98 could be used to make more of one of the company's other products, generating an additional segment margin of RM24,000 per year for that product. What would be the impact on the company's overall net operating income of buying part under this condition? [*Andaikan ruang yang digunakan untuk mengeluarkan alat U98 itu digunakan untuk mengeluarkan lebih banyak produk syarikat yang lain, menghasilkan margin segmen tambahan sebanyak RM24,000 setahun untuk produk itu. Apakah kesan ke atas keuntungan bersih operasi syarikat jika syarikat membeli alat tersebut dengan keadaan ini*]. [10M]
- c. Explain the meaning of opportunity cost and sunk cost. Include in your explanation examples of each. [*Terangkan maksud kos peluang dan kos hangus. Sertakan dalam penerangan anda contoh-contoh untuk setiap satunya*]. [5M]

[Total [Jumlah] 25M]

- Q3. At March 31 Seruling Enterprises, a merchandising firm, had an inventory of 38,000 units, and it had accounts receivable totaling RM85,000. Sales, in units, have been budgeted as follows for the next four months [*Pada 31 Mac, Perniagaan Seruling Enterprise, sebuah firma perdagangan, memiliki inventori sebanyak 38,000 unit; dan ia mempunyai akaun belum terima berjumlah RM85,000. Jualan, dalam unit, telah dibajetkan seperti berikut untuk 4 bulan yang akan datang*]:

April	60,000
May	75,000
June	90,000
July	81,000

Seruling's board of directors has established a policy to commence in April that the inventory at the end of each month should contain 40% of the units required for the following month's budgeted sales. [*Ahli lembaga pengarah Seruling telah menetapkan sebuah polisi yang akan mula dilaksanakan pada April bahawa inventori pada hujung setiap bulan perlu mengandungi 40% dari unit yang diperlukan untuk bajet jualan bulan selepasnya*].

The selling price is RM2 per unit. One-third of sales are paid for by customers in the month of the sale, the balance is collected in the following month. [*Harga jualan adalah RM2 seunit. Satu per tiga dari jualan dibayar oleh pelanggan dalam bulan jualan, manakala bakinya dikutip dalam bulan berikutnya*].

Required [Dikehendaki]:

- a. Prepare a merchandise purchases budget showing how many units should be purchased for each of the months April, May, and June. [*Sediakan sebuah bajet belian barangan yang menunjukkan jumlah unit yang perlu dibeli untuk setiap bulan April, Mei dan June*].
[15M]
- b. Prepare a schedule of expected cash collections for each of the months April, May, and June. [*Sediakan sebuah jadual jangkaan kutipan tunai untuk setiap bulan April, Mei dan June*].
[15M]
- c. List **FIVE (5)** advantages of preparing a budget. [*Senaraikan LIMA (5) kelebihan penyediaan bajet*].
[5M]

[Total [Jumlah] 35M]

Q4. Cathay Company's standard and actual costs per unit for the most recent period, during which 500 units were actually produced, are given below [*Kos standard dan kos sebenar seunit Syarikat Cathay untuk tempoh terkini, yang melibatkan pengeluaran 500 unit, diberikan di bawah*]:

	Standard	Actual [Sebenar]
<u>Materials [Bahan]:</u>		
Standard: 2 meter @ RM1.50 per meter	RM3.00	
Actual [Sebenar]: 1.9 meter @ RM1.60 per meter		RM3.04
<u>Direct labor [Buruh langsung]:</u>		
Standard: 1.5 hours [jam] @ RM6.00 per hour [jam]	9.00	
Actual [Sebenar]: 1.7 hours [jam] at RM6.30 per hour [jam]		10.71
<u>Variable manufacturing overhead [Overhed berubah pengeluaran]:</u>		
Standard: 1.5 hours [jam] @ RM3.40 per hour [jam]	5.10	
Actual [Sebenar]: 1.7 hours [jam] @ RM3.00 per hour [jam]		5.10
Total unit cost [Jumlah kos seunit]	<u>RM17.10</u>	<u>RM18.85</u>

All of the material purchased during the period was used in production during the period. [*Semua bahan yang dibeli digunakan dalam pengeluaran dalam tempoh tersebut*].

Required [Dikehendaki]:

- a. From the given information, compute the following variances. Indicate whether the variance is favorable (F) or unfavorable (U) [*Berdasarkan maklumat yang diberikan, kirakan varians-variens berikut. Nyatakan samada varians tersebut adalah baik (F) atau tidak baik (U)*]:
- I. Material price variance [*Varians harga bahan*]. [3M]
 - II. Material quantity variance [*Varians kuantiti bahan*]. [3M]
 - III. Direct labor rate variance [*Varians buruh langsung*]. [3M]
 - IV. Direct labor efficiency variance [*Varians kecekapan buruh langsung*]. [3M]
 - V. Variable overhead spending variance [*Varians perbelanjaan overhed berubah*]. [3M]
 - VI. Variable overhead efficiency variance [*Varians kecekapan overhed berubah*]. [3M]
- b. Explain **FIVE (5)** weaknesses of using standard costs. [*Terangkan LIMA (5) kelemahan penggunaan kos standard*]. [5M]

[Total [Jumlah] 20M]

-END OF QUESTIONS / SOALAN TAMAT-